

BERITA »Nasional

Isnin, 13 Julai 2020 | 4:38pm



Foto hiasan

Industri penanaman buluh diperluaskan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim; Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan meneruskan projek penanaman buluh yang diperkenalkan pentadbiran Pakatan Harapan (PH) selepas menyedari faedah tanaman itu yang boleh menjana pendapatan baik kepada rakyat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata kerajaan terdahulu tidak menyemarakkan industri buluh dan kini ia perlu dilaksanakan menerusi usaha berganda bagi menguar-uarkan tanaman komoditi baharu itu secara lebih meluas.

Beliau berkata, penanaman buluh memerlukan sentuhan komersial selain penyediaan bantuan berupa dana dan pembiayaan bagi menjayakan inisiatif berkenaan.

"Kita mengambil inisiatif menyambung penanaman buluh kerana melihat kegagalan kerajaan lalu meneruskan dan menyemarakkan industri ini, terutama kegagalan mengurus dan berkempen.

"Peluangnya sangat besar yang boleh kita ambil peluang, maka apa yang kita buat adalah berkempen besar-besaran.

"Pertama sekali berkempen mengenai sudut penanaman. Selagi buluh diambil secara biasa menerusi ladang hutan daripada Orang Asal dan orang kampung, maka tidak ada bekalan secara konsisten yang boleh dibekalkan kepada industri ini," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (PH-Hang Tuah Jaya) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Shamsul Iskandar bertanya mengenai pelan tindakan pembangunan industri buluh 2021-2025.

Menyentuh usaha merancakkan penanaman buluh, Mohd Khairuddin berkata, kerajaan akan memastikan aspek perladangan tanaman buluh dilakukan secara komersial dengan menyediakan bajet dan pembiayaan kepada pihak berminat.

Langkah itu, katanya, mampu menarik pelabur di peringkat hiliran supaya buluh dapat diinovasikan.

"Jangan lihat buluh sebagai buluh semata-mata, sebaliknya lebih daripada apa yang kita dapat hasilkan seperti papan lapis, arang dan sebagainya. Ini yang mesti kita buat.

"Kelemahan lalu akan kita baiki dan sempurnakan untuk kebaikan rakyat kerana ia memberi pendapatan baik kepada rakyat Malaysia," katanya.